

Newspaper	Berita Harian
Date	6 August 2015

Kabinet baharu perlu lakukan terbaik: PM

» *Barisan mesti bekerjasama, percaya satu sama lain capai aspirasi rakyat*

Oleh Irwan Shafrizan Ismail
irwansha@bh.com.my

Putrajaya

Barisan Kabinet baharu perlu melakukan yang terbaik sebagai satu pasukan yang padu untuk menepati aspirasi rakyat dan dasar negara, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata, barisan baharu ini juga mesti bekerjasama sebagai satu ke-

uarga dan pasukan yang sentiasa saling bantu membantu dan mempercayai.

Perlihat perubahan positif
Beliau turut meminta penjawat awam supaya sentiasa melakukan perubahan dan meningkatkan pencapaian untuk rakyat serta negara.

"Inilah yang saya tuntut dalam kerajaan dan pentadbiran supaya dari semasa ke semasa kita boleh memperlihatkan bukan saja pembaharuan, tetapi juga peningkatan dari segi pencapaian, tindakan, keputusan serta program yang dijalankan oleh kerajaan.

"Inilah juga yang mesti disematkan dalam minda dan ingatan kita sepanjang masa, biarlah hari esok lebih baik dari hari ini, biarlah bulan depan lebih baik dari bulan ini dan seterusnya. Dengan cara

BH - 6/8/2015

Kita jangan hilang fokus, dasar transformasi negara mesti kita utamakan dan objektifnya tidak lain tidak bukan demi kesejahteraan rakyat dan negara"

Najib Razak,
Perdana Menteri

ini, maka sebagai sebuah kerajaan kita akan sentiasa dapat memperlihatkan perubahan yang semakin positif dari apa yang kita lakukan.

"Kita jangan hilang fokus, dasar transformasi negara mesti kita utamakan dan objektifnya tidak lain tidak bukan demi

kesejahteraan rakyat dan negara," katanya pada Majlis Sambutan Aidilfitri Jabatan Perdana Menteri di sini, semalam.

Majlis sambutan Aidilfitri yang bertemakan 'Syawal@JPM Di Sini Kasih Bersemi' itu dihadiri lebih 4,000 tetamu serta turut dimeriahkan dengan persembahan artis jemputan dan residen artis JPM.

Yang turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, Menteri dan Timbalan Menteri serta Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa.

Najib berkata, beliau juga percaya perkhidmatan awam di bawah pimpinan Ketua Setiausaha Negara akan menjadi perkhidmatan awam yang boleh diharap untuk mencapai wawasan negara.

Terdahulu, Perdana Menteri meluangkan masa melawat 13 gerai makanan sambil beraamah mesra bersama tetamu dan kakitangan JPM.

Najib turut menyampaikan sumbangan duit raya kepada 15 anak yatim warga JPM dan sumbangan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan berjumlah RM15,000 kepada rumah kebajikan.